

BAB 4

ANALISA PELAKSANAAN ZAKAT PERTANIAN DI MALAYSIA

BERDASARKAN *MAQĀṢID SYARĪAH*

4.0 Pendahuluan

Bab ini penulis akan menganalisis maklumat kajian yang telah diperoleh melibatkan proses temu bual separa-berstruktur yang telah dijalankan dengan dua buah institusi pentadbiran agama Islam Negeri iaitu Pusat Zakat Negeri dan Jabatan Mufti Negeri merangkumi empat buah negeri di Semenanjung Malaysia iaitu Selangor, Pulau Pinang, Perlis, Terengganu dan satu di negeri Sarawak. Secara dokumentasi penulis mendapatkan maklumat berkenaan dengan ekonomi pertanian di Jabatan Pertanian Negeri (JPN), Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri (JPS), Jabatan Perangkaan Malaysia, tesis, jurnal, buku dan kertas-kertas kerja ilmiah. Hasil daripada analisis kajian ini akan membolehkan penulis melihat zakat pertanian di Malaysia berdasarkan *maqāṣid syari'ah* meliputi isu perluasan jenis zakat pertanian dan kewajaran penolakan kos pengeluaran dan kos sara diri sebelum dikenakan zakat ke atas petani.

4.1 Analisa Perluasan Jenis Hasil Zakat Tanaman Pertanian Berdasarkan *Maqāṣid*

Realiti zakat pertanian yang diaplikasikan di Malaysia hanya mengutamakan *qaul* Mazhab Syāfi'e dengan berpendapat zakat tanaman wajib ke atas makanan asasi yang dapat disimpan lama¹ iaitu terhad kepada tanaman padi yang menjadi makanan ruji di Malaysia.

Pemakaian pendapat tunggal di atas kerana bertaklid kepada mazhab Syāfi'e semata-mata dalam penetapan hukum fatwa zakat pertanian sama ada bertaraf warta atau

¹ Al-Syāfi'e, *al-Umm*, 2: 34.

keputusan sepertimana yang telah diperuntukkan dalam seksyen 54 Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri yang menjadikan *qaul* muktamad mazhab Syāfi`e diutamakan berbanding *qaul* mazhab-mazhab muktabar yang lain dalam penetapan sesuatu fatwa². Metodologi penetapan hukum di negeri Perlis agak berbeza dengan negeri-negeri lain di Malaysia ini kerana Jawatankuasa Fatwa Perlis dalam mengeluarkan sesuatu fatwa berlandaskan al-Quran dan Sunnah sepertimana termaktub di dalam seksyen 54 Enakmen Pentadbiran Agama Islam Perlis 2006³, namun hukum berkenaan dengan skop hasil zakat tanaman tidak dinilai semula dan masih mengutamakan pendapat yang menghadkan hasil tanaman kepada makanan asasi iaitu padi sahaja, sepertimana keputusan yang telah diputuskan pada tahun 1980an⁴.

Oleh itu, penulis beranggapan walaupun hasil tanaman-tanaman yang lain tiada dalil khusus yang *mensabtkannya*, akan tetapi jika diteliti secara keumuman *naş* dan pemakaian *`illah* boleh dikenakan zakat melalui instrumen ijtihad merangkumi *maşlahah* semasa. Justeru, perlu dianalisis dalil-dalil pendapat para fuqaha, pendapat manakah paling *şahih?* dan seiringan dengan perkembangan ekonomi dan teknologi pertanian semasa khususnya negeri-negeri di Malaysia.

² Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Selangor) 2003, (Seksyen 54, 2003) ;lihat Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Pulau Pinang) 2004, (Seksyen 54, 2004) ;Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu) 2001, (Seksyen 54, 2001) ;Ordinan Majlis Islam (Sarawak) 2001, (Seksyen 39, 2001).

³ Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perlis) 2006, (Seksyen 54, 2006).

⁴ _____ Koleksi Fatwa Negeri Perlis, Fatwa mengenai zakat gaji, (t.t.p, t.t) 4-10.

4.1.1 Penilaian Dalil dan Pendapat Fuqaha Mazhab⁵

Terdapat beberapa perbezaan dari segi kefahaman setiap mazhab, ini kerana para fuqaha khususnya terkesan dengan faktor-faktor luaran mahupun faktor dalaman seperti pengaruh ekonomi, sosial, persekitaran setempat dan semasa serta metodologi dalam mengeluarkan sesuatu teori atau hukum. Penulis mentarjihkan pandangan Abū Ḥanīfah bersumber daripada penegasan Dāud al-Zāhiri, Nakha'ī, `Umar bin `Abdul `Azīz, Mujāhid dan Hammad bin Sulaiman dalam mewajibkan zakat pertanian ke atas semua hasil tanaman berdasarkan keumuman *naṣ* dan hadith, melainkan tanaman yang telah diijmak tidak wajib dikenakan zakat iaitu rumput, kayu api dan tebu. Pendapat Abu Ḥanīfah bersumberkan hadith:

Terjemahan: “Pada apa yang dijirus oleh langit atau mata air atau takungan sepuluh peratus, dan pada apa yang dijirus dengan tenaga lima peratus”⁶.

Lafaz ‘*ma*’ (*pada apa*) dalam ayat ini memberi makna ‘*alladhī*’ merupakan lafaz umum, oleh itu tidak tepat digunakan kaedah qiyas dalam kes ini, kerana ia bertentangan dengan lafaz umum yang tidak sepatutnya dikhususkan. Bagi golongan yang menggunakan qiyas, mereka mengkhususkan lafaz umum dengan mewajibkan zakat hanya pada tanaman yang mengenyangkan iaitu makanan asasi (*aqwāt*) sahaja, sepertimana amalan mazhab Syāfi`e dan Maliki.

Yusuf al-Qarḍāwī menyokong pandangan Abū Ḥanīfah ini dan berpendapat ianya bersesuaian dengan *maqāṣid* dan objektif utama zakat ke atas hasil pertanian. *Maqāṣid*

⁵ Penulis mengaplikasikan pendapat al-Syāṭibī dalam memahami *maqāṣid syari'ah* dengan melakukan analisis terhadap lāfāz perintah dalam *nāṣ*, ini kerana perintah dan larangan Allah s.w.t merupakan tujuan yang diingini Syari'. Lihat Al-Shāṭibī, *al-Muwāfaqāt*, 2: 391. Oleh itu, penulis menganalisa dalil-dalil dan pendapat fuqaha mazhab bagi meneliti hasil pertanian yang diwajibkan zakat berdasarkan *maqāṣid* semasa.

⁶ Riwayat al-Bukhari, Kitāb al-Zakāt, Bāb Al-‘Usyr Fī Mā Yuskha Min Mā’ as-Sama’ Wa Bil Mā’ Al-Jāri, no Hadith 1483. Al-‘Asqalānī, *Fath al-Bari*, 3: 346. Hadith sahih.

zakat tidak akan tercapai jika zakat hanya diwajibkan ke atas petani padi sahaja, sedangkan pertanian komersial yang lain terlepas daripada tanggungjawab ini⁷.

Walaupun bagaimanapun para fuqaha mengatakan *naş* al-Quran yang digunakan oleh mazhab ini terlalu umum dan mereka mengkritik pandangan mazhab Hanafī dalam perluasan hasil tanaman yang dikenakan zakat ini, disebabkan tidak terdapat satu laporan pun tentang arahan Nabi Muhammad s.a.w memungut zakat tanaman hijau (sayur-sayuran) selain ke atas empat jenis tanaman di Madinah dan Khaibar. Dalam hal ini, Ibnū Arabī menyokong pandangan Imam Abū Hanifah dan berpendapat sudah menjadi ketetapan ulama bahawa “tidak adanya landasan dalil tidak beerti bahawa landasan itu tiada”⁸. Beliau menambah bahawa tidak perlunya dalil-dalil lain dalam hal ini kerana dalil al-Quran telah memadai⁹. Namun begitu, jika dibandingkan dengan dalil-dalil yang digunakan oleh mazhab yang lain, pendapat mazhab Hanafi inilah yang paling selamat, *ṣahīh* dan mencukupi untuk diaplikasikan bagi situasi pertanian semasa.

Di dalam bab satu telah dibincangkan mengenai latar belakang zakat pertanian dalam Islam serta *qaul-qaul* fuqaha Mazhab. Fenomena ekonomi semasa memerlukan para fuqaha mengeluarkan teori mereka, berdasarkan kepada keempat-empat jenis tanaman yang dikenakan pada zaman Rasulullah s.a.w. tatkala Mu`az Bin Jabal diutuskan ke Yaman:

Terjemahan: “Baginda menyuruh mereka supaya tidak mengambil zakat kecuali daripada empat ini: gandum, barli, tamar dan zabīb”¹⁰.

Yusuf al-Qardāwī dalam “*Fiqh Zakāh*¹¹” telah menganalisis pendapat Ibnu `Umar dan Ulama Salaf mengenai hadith yang menyatakan zakat tanaman hanya diwajibkan ke

⁷ Al-Qardāwī, *Fiqh al-Zakāh*, 355.

⁸ Ibn al-‘Arabī. *Ahkām al-Quran*. 132-133.

⁹ Ahmad Muhammad Ismā`il Burj, *Ahkām Zakat al-Tharwah al-Zirā`iyyah Wa al-Ḥayawaniyyah*. (Al-Iskandariyah: Dār al-Jāmi`ah al-Jadīdah Li al-Nashr, 2004), 69.

¹⁰ Riwayat al-Ṭabrānī dan Hākim, *Majma’ al-Zawāid wa Man’u al-Fawāid*, Kitāb al-Zakāt, Bāb Zakāt al-Hubūb, no.Hadith 4399, al-Ṭabrānī mengatakan dalam kitab *al-Kabīr* rījal hadith *thiqāt* dan *ṣahīh*. Lihat al-Şana`ānī, *Subul al-Salām* (Kaheerah: Dār al-Hadīth, 2007) 2: 189, Abu Zar’ah mengatakan bahawa hadith ini bertaraf Mursal.

atas empat jenis tanaman, tidak terdapat satu hadith pun di antaranya yang bebas daripada kecacatan sama ada disebabkan sanadnya yang terputus atau kerana perawinya ada yang lemah atau tidak ada hal-hal yang mengangkatnya. Dalam *al-Zawā'id* hadith `Abdullah Ibn `Amru diriwayatkan oleh Ibn Mājah disifatkan sebagai lemah kerana terdapat perawi yang tidak diterima hadithnya seperti Muhammad Ibn `Ubaidillah¹². Manakala masalah riwayat hadith *mursal* seperti hadith Mu`az Ibn Jabal¹³. Ibnu Mālik juga tidak terlepas dalam memberikan kritikan, ia agak mustahil apabila keterbatasan hanya berlaku pada empat jenis makanan tersebut, kemungkinan keterbatasan hanya untuk tempoh sementara sahaja dan tidak bersifat mutlak¹⁴. Jika diamati kebenaran pendapat golongan ini, maka tanaman asasi utama di Malaysia tidak akan dikenakan zakat, ini kerana padi tidak termasuk dalam kategori empat jenis tanaman yang telah digubal semenjak zaman Madinah lagi, begitu juga dengan tanaman negara-negara lain yang berkemungkinan berbeza berdasarkan iklim, cuaca dan kesuburan tanah.

Manakala penilaian pendapat Imam Mālik dan Imam Syāfi'e yang menetapkan ciri-ciri tanaman yang dikenakan zakat iaitu tahan disimpan lama, dikeringkan dan juga makanan asasi. Dalil yang digunakan oleh kelompok ini juga dipertikaikan, hadith Mu`az¹⁵ yang diriwayatkan oleh al-Baihaqī bertaraf *mursal* walaupun ia mampu diperkukuhkan dengan hadith setaraf dengannya. Ibnu `Arabī merupakan antara fuqaha mazhab Maliki

¹¹ Al-Qardāwī, *Fiqh al-Zakāh*, 337-341.

¹² Riwayat Ibn Mājah, Kitāb al-Zakāt, Bāb Sanna Rasulullah s.a.w az-Zakāt Fī Hazīhi al-Khamsah, no Hadith 1815. Ibn Mājah, *Sunan* (Kaherah: Dār al-Hadith, t.t), 1: 580. Dalam *al-Zawā'id* sanadnya lemah kerana Muhammad bin Ubaidillah adalah khazraji. Imam Ahmad mengatakan orang ramai meninggalkan hadithnya. Al-Hakim mengatakan hadith ini *matruk* (ditinggalkan) dan disepakati oleh ulama hadith.

¹³ Riwayat al-Ṭabrānī dan Hākim, *Majma' al-Zawā'id wa Man'u al-Fawā'id*, Kitāb al-Zakāt, Bāb Zakāt al-Hubūb, no.Hadith 4399. Al-Ṣana'ānī, *Subul as-Salām* (Kaherah: al-Halabī, 1960), ed. Ke-4, 2: 132-133. Abū Zar'ah mengatakan bahawa hadith ini bertaraf *Mursal*.

¹⁴ Al-Ṣana'ānī, *Subul as-Salām*, 338.

¹⁵ Riwayat al-Baihaqī, Kitāb al-Zakāt, Bāb Lā Syaiun Fi al-Thamar Hatta Yabluq Kullu Sinfī Minhā Khamsan Awsuq Fayakun Fī Mā Balaqa Minhu Khamsah Awsuq Sadaqah, no. Hadith 7268. Al-Nawawī mengatakan hadith ini bertaraf *mursal*. Manakala dalam riwayat Dāruqutnī daripada Mu'az bin Jabal sanad hadithnya *da'if* kerana Muhammad bin Abdullah al-'Azrami dalam sanadnya diabaikan.

tidak sependapat dengan pendapat kelompok ini, malah beliau lebih mendukung pendapat Abū Ḥanifah. Ibnu `Arabī mengulas hujah beliau dengan berpegang dengan prinsip daripada firman Allah s.w.t dalam surah al-An`am 6: 141 :

Terjemahan: “keluarkanlah haknya (zakatnya) pada hari memetik atau menuainya”

Begitu juga keumuman hadith yang diriwayatkan oleh Ibn `Umar tentang sepersepuluh kadar zakat tanaman yang diairi oleh hujan. Beliau menyatakan bahawa mazhab Ḥanafī dalam kes ini paling relevan bertepatan dengan *maqāṣid* syarak mencakupi orang-orang miskin dan paling jelas menzahirkan kesyukuran atas nikmat berbanding mazhab-mazhab lain.

Manakala pendapat Imam Ahmad bahawa zakat diwajibkan atas buah-buahan yang dapat disukat bersandarkan kepada dalil hadith Rasulullah s.a.w:

Terjemahan: “Tidak wajib zakat atas apa yang kurang dari lima *wasaq*¹⁶”

Pendapat ini kurang tepat. Ini kerana maksud dan objektif sebenar hadith ini adalah dalam menetapkan kadar minima nisab zakat yang merangkumi semua tanaman buah-buahan mahupun biji-bijian¹⁷.

Begitu juga hadith arahan Rasulullah s.a.w supaya bijirin diambil dari bijirin¹⁸ tidak menggambarkan sebarang maksud lain kecuali keumuman menyatakan bijirin juga

¹⁶ Riwayat Muslim, Kitāb al-Zakāt, Bāb Mā Fīhi al-‘Usyr al-Nisfu al-‘Usyr, no.Hadith 979. Muslim, *Ṣahīh Muslim* (Riyad: Dār at-Ṭayyibah, 2006), 1: 475, hadith sahih. Riwayat Al-Nasai, Kitāb al-Zakāt, Bāb Zakāt al-Hubūb, no.Hadith 2485. Al-Nasā’I, *Sunan* (Beirut: Dār al-Ma’rifah, 1992), ed.ke-2, 5: 41.

¹⁷ Al-Ṣana’ānī, *Subul as-Salām*, 338-339.

¹⁸ Riwayat al-Baihaqī, Kitāb al-Zakāt, Bāb Lā Yuaddī ‘An Mālihi Fīmā Wajaba ‘Alaihi Illa Mā Wajaba ‘Alaihi, no Hadith 7197. Al-Baihaqī, *Sunan Kubra Al-Baihaqī* (t.tp: Dar al-Ma’rifah, t.t) Sanadnya hasan dan *rijalnya* thiqah. Riwayat Abū Dāud, Kitāb al-Zakāt, Bāb Sadaqah al-Zar’, no Hadith 1599. Abu Dāud, *Sunan* (Beirut: Mua’assasah al-Kutub al-Thaqāfiyyah, t.t), 503 Sanad hadith ini bertaraf *da’if* kerana terputusnya sanad.

diwajibkan zakat. Begitu juga hadith tidak diwajibkan zakat ke atas sayuran¹⁹, Ibn al-Ḥumam menafikan kesahihan hadith tersebut²⁰.

Penilaian penulis bahawa keumuman dalil yang dipegang oleh ulama Ḥanafiyah memperlihatkan sisi keanjalan hukum syarak bagi pelaksanaannya berbeza lantaran perbezaan zaman, tempat, suasana dan *`urf* agar ia tidak menyempitkan masyarakat sekiranya telah ditentukan cara dan bentuk secara terperinci.

Berdasarkan fakta sejarah, pertanian di Yaman tidak hanya terhad kepada empat jenis tanaman sahaja seperti mana hadith Mu`az Bin Jabal mengenai keterbatasan hasil pertanian yang dikenakan zakat. Ini kerana Yaman terkenal dengan kesuburan sektor pertaniannya semenjak zaman sebelum kedatangan Islam berdasarkan kisah Ratu Balqis. Terdapat pelbagai jenis tanaman lain seperti tanaman buah-buahan misalnya delima, ara, zaitun, plum, tembikai dan biji-bijian. Terdapat juga tumbuh-tumbuhan yang ditanam di tanah tinggi dan kawasan lembah seperti *ar'ab*, *dhaiyan*, *nab'*, *nashm'* *shawhat* dan lain-lain. Begitu juga pokok-pokok yang mempunyai pelbagai kegunaan seperti *tandaib* (pembuatan anak panah), *khazm* (pembuatan tali), *al-marak* (nyalakan api) dan lain-lain. Tanaman bunga-bunga juga tidak terkecuali ditanam misalnya yang diproses untuk dijadikan air rose dan *'attar* (minyak wangi)²¹

Penulis berpendapat keterbatasan zakat ke atas hasil pertanian kepada tanaman kurma, kismis, barli dan gandum adalah disebabkan keempat-empat tanaman tersebut merupakan tanaman utama bagi Tanah Arab ketika itu meliputi Hijāz dan selatan

¹⁹ Riwayat Al-Dāruqutnī, Kitāb al-Zakāt, Bāb Laisa Fī Al-Khadrawāt Sadaqah, no Hadith 1884. Al-Dāruqutnī, *Sunan*, 2: 96. Ibn Ḥumam mengatakan sayur-sayuran seperti *riyāhīn*, *aurād*, kacang, timun, tembikai, terung dan seumpamanya tidak dikira sebagai makanan asasi kerana zakat hanya dikenakan pada kategori makanan asasi. Lihat 'Ali bin Sultan Muhammad, *Mirfātu al-Mafātīh Syarh Mishkāt al-Maṣābīh* (t.tp: Dār al-Fikr, 2002) 4:1296. Taraf hadith ini daripada Musa bin Talhah adalah *mursal*, manakala hadith riwayat Tirmizi daripada Mu'az adalah berstatus *da'if* kerana kerana diriwayatkan oleh Hassan bin 'Imarah.

²⁰ Ibn al-Ḥumam, *Fath al-Qadīr*, 3: 243-244.

²¹ Lihat bab 2, halaman 39-40; Muḥammad Reza-Ur-Raḥīm. "Agriculture In Pre-Islamic Arabia". 10: 53-65

semenanjung Arab iaitu Yaman. Seinggakan ia dilaporkan bahawa sebelum pengharaman arak masyarakat Arab menggunakan tanaman utama ini bagi pembuatan arak *nabith*.

Walau bagaimanapun Mazhab Syāfi`e berijtihad dengan mencirikan “makanan asasi” sebagai syarat hasil tanaman yang dikenakan zakat berdasarkan hadith Mu`az bin Jabal. Penulis berpendapat keempat-empat tanaman ini lebih sesuai diklafisasikan sebagai tanaman utama (komersial) berbanding makanan asasi. Ini kerana berdasarkan fakta sejarah tanaman bijirin utama ditanam di Yaman ialah barli (*sha`ir*), millet (*dukhn*), betari *sorghum bicolor* (*dhura*), tebu (*kaṣab al-sukkār*) dan gandum (*burr*)²² (lihat lampiran P: Jenis-Jenis Tanaman Di Yaman Pada Abad Ke-10). Manakala bijirin paling utama di Yaman pada awal Islam ialah betari *sorghum bicolor* (*dhura*) yang mempunyai pelbagai jenis berdasarkan warnanya dan ianya ditanam di tanah tinggi dan tanaman millet *panicum miliaceum* (*dukhn*) terdapat di kawasan tanah rendah Yaman. Al-Mukadḍasī mengatakan bahawa betari dan millet telah menjadi makanan asasi di daerah Zabīd²³. Penulis berpendapat jika diqiaskan kepada “makanan asasi” sepertimana ijtihad mazhab Syāfi`e, seharusnya lebih *aulā* tanaman millet (*dukhn*) dan betari (*dhura*) disebut di dalam hadith Ibn `Umar tatkala dihantar ke Yaman.

Dua tanaman bijirin tertua dan ditanam di kawasan tanah tinggi Yaman adalah barli (*sha`ir*) dan gandum (*burr*)²⁴. Terdapat pelbagai variati gandum seperti ‘*arabi*, *halbā`*, *maysānī*, ‘*alas* dan *nusūl*. Ibn Rusta melaporkan bahawa tanaman gandum dituai dua kali setahun, manakala barli dituai tiga kali setahun.

Pada awal Islam tanaman buah-buahan terkenal di Yaman adalah penanaman kurma. Ibn Rusta menyatakan terdapat 70 jenis kurma. Tanaman kurma sudah ditanam semenjak sebelum kedatangan Islam lagi, seinggakan penduduk Yaman secara tradisinya

²² Daniel Martin Varisco, “Agriculture in al-Hamdani’s Yemen”, 395.

²³ *Ibid*, 397.

²⁴ *Ibid*, 398.

menganjurkan keraian pemujaan tanaman kurma di Najrān²⁵. Selain kurma, al-Hamdānī berpendapat kawasan yang terbaik bagi tanaman anggur adalah di Wasi `Alāf²⁶. Berdasarkan bukti-bukti sejarah ini jelas mengkategorikan barli, gandum, kurma dan anggur adalah tanaman utama ketika itu menepati *maṣlahah* semasa setempat.

Pandangan dan fakta ini bersesuaian dengan evolusi pertumbuhan semasa ekonomi pertanian di Malaysia. Tanaman padi tidak lagi dilihat sebagai tanaman yang menguntungkan, malah dilihat sebagai tanaman sara diri para petani sahaja berbanding dengan tanaman utama (komersial)²⁷ yang mendatangkan keberhasilan yang tinggi kepada pertumbuhan ekonomi Negara. Oleh itu, sewajarnya berdasarkan keadaan semasa dan meliputi ruang lingkup *maṣlahah `ammah* zakat pertanian diperluaskan berdasarkan pandangan Abū Ḥanīfah.

Berdasarkan pengamatan penulis walaupun negara Yaman yang majoritinya berpegang dengan mazhab Syāfi`e²⁸, namun kini *Qānūn* Zakat Yaman mewajibkan zakat pertanian dikenakan ke atas semua jenis tanaman²⁹ seperti mana pandangan mazhab Hanafī, misalnya pada tahun 2013 dicadangkan agar diwajibkan zakat ke atas tanaman *al-qāt*³⁰. Ini jelas memperlihatkan walaupun hadith Ibn `Umar dalam menghadkan kepada empat tanaman yang diwajibkan di Yaman ketika dahulu, kini sudah tidak dipraktikkan

²⁵ *Ibid*, 403

²⁶ *Ibid*, 404

²⁷ Lihat bab 3, di halaman 87-88.

²⁸ Saadan Man “*Kedudukan Mazhab Syafi`e Dalam Perkembangan Ahlus Sunnah Di Negeri Perlis*”, Jurnal Fiqh: No.4, (2007),142-143. Penyebaran Islam di kedah pada abad ke-10M dikatakan telah dimulakan oleh pedagang Yaman khususnya dari Hadhramaut yang merupakan penganut mazhab Syafi`e, contohnya Maharaja Derbar II, raja Kedah diislamkan oleh Syeikh `Abd Allah bin Syeikh Aḥmad al-Qaumīr al-Yamanī.

²⁹ Seksyen 11, Undang-undang Zakat Yaman, bil (2) tahun 1999, “Diwajibkan zakat ke atas pelbagai jenis tanaman dan buah-buahan, dan waktu dikenakan zakat adalah setelah dituai”. Interpretasi “*zurū` wa al-thimār*” yang terdapat di dalam seksyen 2 ialah semua tanaman yang ditanam atau dituai untuk manfaat manusia, termasuklah yang dijadikan makanan haiwan.

³⁰ Laman sesawang Saba Net, dicapai 16 Januari 2014, www.sabanews.net/ar/news319836.htm. *Al-Qāt* atau nama sentifiknya *Catha edulis* adalah sejenis tanaman yang daunnya sering dikunyah (seperti sirih) dan ianya berasal dari Afrika dan Semenanjung Arab iaitu Yaman.

lagi. Penulis beranggapan kemungkinan perubahan ini disebabkan taraf hadith tersebut atau bagi menepati *maṣlahah* ekonomi pertanian semasa dan setempat.

4.1.2 Analisa Ekonomi Pertanian Semasa Di Malaysia

Berdasarkan realiti semasa pertanian di Malaysia, perluasan jenis hasil pertanian wajib zakat perlu dipertimbangkan semula oleh pihak yang berwajib, kegiatannya yang mendatangkan hasil yang sangat lumayan sebagai contoh pertanian komersial atau industri yang melibatkan jutaan ringgit dan gunaan tanah pertanian melebihi jutaan hektar misalnya tanaman kelapa sawit dan perladangan getah berbanding dengan tanaman padi sahaja³¹.

Berdasarkan buku perangkaan Malaysia 2011, eksport utama pertanian di Malaysia adalah minyak kelapa sawit dengan hasil tahunan berjumlah RM50, 696 juta pada tahun 2009, meningkat sebanyak RM11, 527 juta kepada RM62,223 juta pada tahun 2010 dan setakat bulan Jun tahun 2011 jumlah eksport produk ini telah mencecah melebihi RM39,487 juta.

Selain keluaran produk kelapa sawit, hasil pertanian getah asli juga mendatangkan hasil yang sangat lumayan kepada pengusahanya dengan hasil eksport berjumlah RM4,259 juta pada tahun 2009 dan melonjak dua kali ganda dengan kutipan RM9,210 juta pada tahun 2010, dan setakat bulan Jun 2011 telah mencatatkan keuntungan sebanyak RM7,434 juta³².

Berdasarkan temu bual yang dijalankan, kutipan zakat sektor tanaman padi adalah senantiasa kurang dan berada di tangga sebelum terakhir³³ jika dibandingkan dengan zakat harta lain seperti zakat perniagaan, zakat wang simpanan dan zakat pendapatan yang

³¹ Lihat statistik keluasan bertanam dan pengeluaran di dalam bab tiga, halaman 81-82.

³² _____ Buku Maklumat Perangkaan 2011 (Putrajaya: Jabatan Perangkaan Malaysia, 2011), VIII.

³³ Hasil kutipan terendah adalah hasil zakat padi diikuti zakat emas dan terakhir adalah zakat ternakan. Walau bagaimanapun hasil kutipan ini berbeza berdasarkan negeri-negeri.

memberikan sumbangan yang besar dalam jumlah hasil kutipan zakat tahunan³⁴ (Lihat Lampiran G: Statistik Kutipan Zakat Di Perlis Tahun 2011 dan Lampiran H: Statistik Kutipan Dan Agihan Zakat Di Terengganu 2000-2010). Justeru, memperluaskan hasil zakat pertanian kepada sektor pertanian komersial difikirkan sangat wajar berdasarkan keadaan semasa dan setempat.

Berdasarkan penilaian penulis, kepelbagaian hasil kutipan zakat ini disebabkan oleh beberapa faktor, pertamanya keluasan tanah pertanian padi yang sederhana dan statik yang akan meminimumkan hasil pengeluaran padi tersebut. Di Perlis anggaran keluasan tanah padi sekitar 52,000 hektar, diikuti Pulau Pinang dan Sarawak masing-masing dengan purata 25,000 hektar dan 19,000 hektar, manakala Terengganu dengan keluasan 17,000 hektar sahaja. (Lihat Lampiran O: Statistik Keluasan Tanaman Padi Di Selangor, Sarawak, Pulau Pinang, Terengganu dan Perlis bagi tahun 2006-2010).

Berbanding dengan keluasan bertanam dan pengeluaran tanaman-tanaman lain sepanjang tempoh lima tahun (dari tahun 2006-2010) misalnya tanaman buah-buahan di Terengganu mencatatkan keluasan bertanam seluas 11, 026 hektar sehingga 24, 815 hektar. Begitu juga di negeri Sarawak dengan keluasan bertanaman buah-buahan yang senantiasa bertambah dari 34, 403 hektar kepada 44, 996 hektar dan hasil keluaran buah-buahan telah mencatatkan angka yang terbesar berbanding negeri-negeri subjek kajian yang lain iaitu mencecah sebanyak 220, 827 tan pada tahun 2010³⁵.

Negeri Sarawak juga lebih unggul dikenali dengan penanaman lada hitam atau putih, hampir 98% pengeluaran lada di Malaysia adalah di Sarawak dengan jumlah eksport untuk tahun 2002 adalah 18,824 tan metrik dan meningkat 19,748 tan metrik pada tahun 2004 yang masing-masing bernilai RM113.2 juta dan RM120 juta. Terdapat juga pertanian

³⁴ Lihat perbincangan kutipan hasil zakat padi di Selangor, Sarawak, Pulau Pinang, Terengganu dan Perlis dari tahun 2006-2010, di dalam bab 3 halaman 88-90.

³⁵ Buku Maklumat Jabatan Pertanian 2010, 19; lihat di dalam bab 3 halaman 83-84.

komersial yang lain di Sarawak seperti kelapa yang mempunyai keluasan bertanam 23, 380 hektar sehingga 25, 352 hektar (2006-2010)³⁶ yang mampu membawa keberhasilan yang baik berbanding tanaman padi sahaja.

Keduanya, disebabkan jumlah pembayar zakat padi di negeri-negeri misalnya kadar kutipan zakat padi terkecil adalah di Sarawak berpunca daripada hanya 26% sahaja kaum minoriti Melayu Sarawak dan daripada jumlah ini seramai 8% sahaja yang mengusahakan tanaman padi ini dan berlaku juga ketirisan pembayaran zakat padi. Manakala berdasarkan temu bual di Terengganu dan kebanyakan negeri-negeri mendapati kebanyakan pengusaha padi sudah membayar zakat tanaman padi mereka, oleh itu kadar kutipan sudah mencapai tahap maksimum dan akan senantiasa sekata atau terdapat sedikit sahaja penokokan berdasarkan lebihan hasil keluaran tanaman.

Berdasarkan senario kutipan zakat tanaman padi ini, wajarlah hasil zakat tanaman diperluaskan kepada tanaman komersial yang menguntungkan berdasarkan *maqāsid syarī`ah* yang akan melonjakkan hasil kutipan zakat pertanian dan akhirnya akan memberi *maşlahah* kepada ekonomi umat Islam.

Dalam memperluaskan sumber hasil zakat pertanian di Malaysia, pandangan serta persepsi masyarakat perlu diambil kira. Oleh itu, berdasarkan hasil kajian Sanep Ahmad dan Hairunnizam Wahid pada tahun 2005 secara puratanya 53.8% pandangan masyarakat bersetuju agar hasil zakat pertanian diperluaskan kepada tanaman komersial seperti kelapa sawit, hasil dusun buah-buahan, getah, koko, sayuran dan madu lebah³⁷.

Manakala berdasarkan temu bual penulis bagi melihat pandangan badan yang bertanggungjawab mengurus zakat pertanian negeri tentang perluasan hasil zakat pertanian

³⁶ *Ibid.*, 22.

³⁷ Sanep Ahmad dan Hairunnizam Wahid, "Sumber Zakat", 143. Menilai respons masyarakat terhadap langkah perluasan hasil tanaman dengan melakukan kajian kuantitatif di seluruh Malaysia kecuali Sabah dan Sarawak.

ini, menunjukkan reaksi yang pelbagai daripada pihak pentadbiran zakat pertanian negeri dan Jabatan Mufti Negeri. Secara ringkasnya terdapat dua jenis persepsi yang berbeza sama ada yang mengharuskan perluasan hasil tanaman dan sebaliknya, seperti jadual di bawah:

Jadual 4.1. Persepsi Pusat Zakat dan Jabatan Mufti Negeri Bagi Memperluaskan Hasil Zakat Pertanian

Bil	Pusat Zakat/ Jabatan Mufti	Perluasan Hasil Zakat Pertanian
1	Ustaz Zulhazmi Bin Bohari (Pegawai Eksekutif Tabung Baitulmal Sarawak Cawangan Bandar Sri Aman)	Sangat wajar diperluaskan
2	Ustaz Azhari Bin Ahmad (Pegawai Eksekutif Dakwah Dan Rundingan Syara', Jabatan Kutipan Dan Pemasaran PUZ Pulau Pinang)	Perlu diperluaskan
3	Tuan Zuhaimi Bin Tuan Sembok (Pegawai Eksekutif Taksiran Zakat, MAIDAM Terengganu)	Perlu diperluaskan
4	Ustaz Mohd Farid Bin Mohd Zainal (Eksekutif Sektor Penerangan Korporat, Lembaga Zakat Selangor)	Tidak menjadi keperluan
5	Ustaz Mohd Nazim bin Haji Md Noor (Ketua Unit Zakat Bahagian Baitulmal Perlis)	Tidak menjadi keperluan
6	Ustaz Roslan bin Isa (Timbalan Mufti Negeri Perlis)	Saya rasa sangat wajar berdasarkan <i>maqāṣid</i> tujuan zakat itu disyariatkan
7	Y.Bhg S.S. Ustaz Haji Kipli Bin Haji Yassin, (Mufti Negeri Sarawak)	Boleh dilakukan kajian untuk memperluaskan hasil tanaman. Tetapi tidak mendesak sekarang
8	Y.Bhg S.S. Dato' Seri Haji Hassan Bin Haji Ahmad (Mufti Negeri Pulau Pinang)	Pendapat saya jika tidak diperluaskan , tidak merugikan asnaf.

Terdapat faktor-faktor yang mempengaruhi sudut pandangan informan-informan di atas meliputi ekonomi industri pertanian setempat, keberhasilan kutipan tahunan zakat tanaman padi semasa, keterikatan pegangan mazhab dalam mengeluarkan sesuatu fatwa dan kefahaman berzakat di kalangan petani sepertimana perbincangan di atas.

Justeru berdasarkan kepada kenyataan di atas sewajarnya pendapat Imam Ḥanīfah, dan pertumbuhan aktiviti ekonomi pertanian komersial semasa dan juga tanggapan

penerimaan masyarakat ini diambil perhatian oleh pihak Panel Kajian Syariah, Baitulmal Negeri agar satu kajian dikenakan untuk memperluaskan hasil zakat pertanian dengan meneliti kesahihan dalil-dalil dan *maṣlahah`ammah*. Kemudian hasil kajian tersebut perlu dipanjangkan kepada pihak Jawatankuasa Fatwa untuk diteliti daripada aspek kebolehlaksanaan dengan berpandukan kepada Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri seksyen 54 (2)³⁸ yang memberi kelonggaran berpegang kepada selain *qaul* muktamad mazhab Syāfi`e jika melibatkan kepentingan umum. Sepertimana keharusan membayar zakat fitrah menggunakan nilai bukan dengan *`ain* makanan asasi. Jika isu ini difikirkan meliputi isu nasional maka disarankan ia dibahaskan di peringkat Muzakarah Fatwa Kebangsaan agar hukum zakat tanaman ini dilaksanakan secara holistik dan boleh diadaptasi di setiap negeri kelak.

4.1.3 *Maqāṣid* Syariah Memperluaskan Hasil Tanaman Komersial

Doktrin-doktrin syariat Islam *thabit* dan tidak berubah, namun aplikasinya boleh menerima perubahan berdasarkan faktor perubahan nilai semasa dan setempat selaras dengan kaedah fiqh “*Hukum (fatwa) berubah akibat berubahnya masa, tempat dan suasana*” dan faktor syariat Islam yang bersifat anjal dan dinamis demi menjaga *maṣlahah* serta *maqāṣid* kelestarian masyarakat Islam.

Penghayatan ke atas sesuatu tuntutan syarak haruslah bersifat holistik iaitu meliputi pemahaman secara literal dan secara objektif. Objektif syariah terhadap manusia bagi memelihara penjagaan yang lima (*al-uṣul al-khamsah*) iaitu dengan memelihara agama (*al-Dīn*), jiwa (*al-Nafs*), akal (*al-‘Aql*), keturunan (*al-Nasl*) dan harta (*al-Māl*).

³⁸ Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Selangor) 2003, (Seksyen 54, 2003) ; lihat Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Pulau Pinang) 2004, (Seksyen 54, 2004) ;Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu) 2001, (Seksyen 54, 2001) ;Ordinan Majlis Islam (Sarawak) 2001, (Seksyen 39, 2001).

³⁸ Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perlis) 2006, (Seksyen 54, 2006).

Syariat Islam memelihara *al-ḍarūriyyāt al-khams* ini dengan dua cara iaitu secara positif dengan menentukan hukum yang boleh mewujudkan serta mengekalkan kewujudannya (*jalbu al-maṣāliḥ*) dan cara kedua secara negatif iaitu dengan menghalang apa-apa yang boleh menghapuskan atau merosak kepentingan tersebut (*dar'u al-mafāsīd*). Manakala Dr Ṣūfī Ḥasan Abū Ṭālib menambah dorongan ketiga dan keempat iaitu *Sadd al-dharāi`* (menyekat kepentingan buruk) dan *taqhayyur al-zaman* (peredaran zaman)³⁹.

Dalam memelihara *maqṣad (al-Māl)*, secara positifnya (*jalbu al-maṣāliḥ*) disebabkan oleh peredaran zaman (*taqhayyur al-zaman*) dan terdapat beberapa unsur dalam tanaman komersial yang mendatangkan *maṣlahah`ammah* kepada pertumbuhan ekonomi umat Islam khususnya di Malaysia jika diperluaskan hasil tanaman selain daripada tanaman padi⁴⁰, iaitu:

1. *Maqṣad* unsur kekayaan

Yusuf al-Qarḍāwī menyatakan kekayaan sebagai *maqṣad* kewajipan dalam berzakat bagi tanaman yang tidak dinaskan, sepertimana kewajipan zakat ke atas harta penggajian yang menggunakan instrumen qiyas kepada emas sebesar 85g bersamaan dengan RM13,000 (harga semasa tahun 2012). Ibn `Abbas, al-Hasan dan Qatadah, `Ata`, al-Suddi dan Ibn Abi Laila berpendapat *'Illah* zakat khusus kepada golongan yang mempunyai kekayaan sepertimana firman Allah s.w.t dalam surah al-Baqarah 2:219 :

³⁹ Sufi Hasan Abu Talib, *Taṭbīq al-Shariah al-Islāmiyyah Fī al-Bilād al-Islāmiyyah* (Qaherah: t.tp, 1978), 37-39.

⁴⁰ Al-Syāṭibī berpendapat dalam memahami *maqāṣid syari'ah*, penelitian terhadap perintah dan larangan (*'illat al-amr wa al-nahī*) harus dilakukan berdasarkan syarat *'illat* yang diberikan syari' secara jelas dalam *naṣ* agar tujuan syari' terhadap perintah dan larangan dapat dicapai. Akan tetapi jika *'illat* hukum tidak diketahui dengan jelas maka sikap *tawaqquf* harus dilakukan. Sikap *tawaqquf* ini dilakukan dengan dua cara; pertama tidak boleh melakukan perluasan skop terhadap ketetapan *naṣ* tanpa diketahui *'illahnya* kerana ianya sama seperti menetapkan hukum tanpa dalil. Kedua, boleh memperluaskan skop terhadap ketetapan *naṣ* apabila diketahui *'illat* dan tujuan hukum. Lihat Al-Shāṭibī, *al-Muwāfaqāt*, 2: 294 dan 395. Dalam isu ini terdapat beberapa *'illah* yang boleh disabitkan iaitu dengan wujudnya unsur kekayaan, *al-nama'* (pertumbuhan) serta dapat menguntungkan fakir miskin dan golongan asnaf yang lain.

Terjemahan: Mereka bertanya kamu apa yang perlu dibelanjakan, katakanlah al-`afw (yang lebih)”⁴¹.

Ulama mentafsirkan ayat ini dengan maksud “*Belanjakanlah lebih daripada harta kamu*”. Golongan yang mempunyai lebih harta adalah terdiri daripada mereka yang mempunyai kekayaan mencukupi diri mereka dan juga tanggungan di bawah mereka.

Manakala hadith yang diriwayatkan oleh Mu`az Ibn Jabal dihantar ke Yaman di mana Rasulullah menyuruhnya mengambil harta daripada orang kaya dan dibahagikan kepada orang miskin :

Terjemahan: “Zakat diambil daripada golongan kaya, kemudian dikembalikan kepada golongan miskin”⁴².

Ulama Hanafiyyah menyatakan hadith ini mengkhususkan golongan kaya yang memiliki nisab serta mempunyai lebih daripada keperluan dirinya dan keluarga sahaja yang layak berzakat⁴³, ini jelas menunjukkan peladang-peladang tanaman komersial seperti kelapa sawit, getah dan kelapa tergolong dalam golongan yang dikenakan zakat pertanian berbanding petani-petani padi disebabkan pendapatan mereka yang sangat lumayan sehingga tersenarai sebagai bahan eksport utama negara berbanding dengan hasil tanaman padi. Dalam kitab ‘*Umdat al-Qārī Syarh Sahīh al-Bukhārī*’ juga menyokong hadith di atas dengan menegaskan pengkhususan zakat terhadap golongan kaya “*Tidak ada sedekah kecuali ke atas golongan kaya*”⁴⁴.

Terdapat juga *athār* sahabat iaitu ijihad `Umar al-Khattab disebabkan *maqāsid* ekonomi semasa ketika itu dengan memperluaskan hasil zakat selain daripada *nas-nas*

⁴¹ Surah al-Baqarah 2: 219 .

⁴² Riwayat al-Bukhari, Kitāb al-Zakāt, Bāb Wujūb al-Zakāt, no.Hadith 1395, hadith sahih.

⁴³ Al-Sa’ati, Ahmad Abd Rahman al-Banna, *Al-Fath al-Rabbānī Lī Tartīb Musnad al-Imām Ahmad Ibn Hanbal al-Syaybānī Ma’a Syarhih Bulūqh al-Amānī Min asrār al-Fath al-Rabbānī* (Mesir: Maktabah al-Fath al-Rabbānī, 1356H), 9: 103.

⁴⁴ Al-‘Aini, *Umdat al-Qārī Syarh Sahīh al-Bukhārī* (Beirūt: Dār al-Fikr, t.t), 7:294.

seperti mengenakan zakat ke atas kuda yang digunakan untuk tujuan komersial dan bukan sebagai haiwan tunggangan peperangan sepertimana pada zaman Rasulullah s.a.w dan tidak menjadi tanda kekayaan seseorang⁴⁵. Begitu juga perluasan hasil tanaman berlaku pada zaman Khalifah `Umar dengan meluaskan taksiran zakat pertanian terhadap sayuran kekacang seperti *'adas* (kacang), *humus* (kacang putih) dan *kutniyyah* (kapas) dikenakan zakat demikian juga buah zaitun berdasarkan tuntutan keadaan dan semasa ketika itu.

2. *Maqṣad* subur (*al-nama`*)

Kaedah subur *al-nama`* sebagai salah satu syarat yang mesti dipatuhi dalam kewajipan berzakat.⁴⁶ Al-Qarḍāwī menegaskan bahawa setiap harta yang subur sama ada secara *hakiki*⁴⁷ atau secara *takdiri*⁴⁸ itu adalah dana bagi zakat walaupun Nabi s.a.w tidak menyebut tentang kewajipan zakat harta secara langsung⁴⁹. Beliau juga menjelaskan contoh sesuatu harta itu subur atau tidak berdasarkan sesuatu harta itu tidak susut nilai sepanjang perjalanan dan harta tersebut mempunyai keupayaan untuk berkembang sama ada melalui perniagaan atau ternakan⁵⁰. Hasil tanaman utama negara dan tanaman komersial mendatangkan pendapatan yang sangat lumayan dan keluasan tanah yang senantiasa bertambah menunjukkan minat kerajaan terhadap tanaman yang mendatangkan hasil lumayan kepada KDNK Negara.

⁴⁵ Al-Sa`ati, *Al-Fath al-Rabbānī*. Lihat Riwayat al-Bukhārī, Kitāb al-Zakāt, Bāb Laisa `Ala al-Muslim Fi Farasihi Wa Qulāmihi Sadaqah, no Hadith 1394. Hadith sahih.

⁴⁶ Mahmood Zuhdi Abd Majid, “*Sumber-sumber Zakat: Huraian Berasaskan Realiti Semasa Di Malaysia*”, Jurnal Syariah, 3, Bil.1 (1996), 56-63.

⁴⁷ Subur secara *hakiki* ialah harta itu bertambah melalui pembiakan dan perniagaan.

⁴⁸ Subur secara *takdiri* ialah harta itu mampu berkembang di tangan pemiliknya atau agennya.

⁴⁹ Al-Qarḍāwī, *Fiqh al-Zakāh*, 145.

⁵⁰ *Ibid.*,143.

3. *Maqṣad* yang menguntungkan fakir miskin

Sanep Ahmad dan Hairunnizam Wahid berpendapat dalam meneliti *'illah* kewajiban berzakat ke atas harta yang diikhtilaf dengan melihat kepada kaedah yang menguntungkan fakir miskin iaitu para asnaf-asnaf, misalnya apabila terdapat dua *'illah* wajib zakat atau terdapat perselisihan pendapat ulama tentang wajib zakat maka akan dipilih mana yang akan menguntungkan fakir dan miskin⁵¹. Penulis berpandangan, walaupun pendapat Mālikī dan Syāfi'e mengehendkan zakat pertanian dengan hanya dikenakan kepada makanan asasi sahaja dan lain-lain tanaman yang menghasilkan pendapatan di kategori sebagai zakat pendapatan, sepertimana amalan di Lembaga Zakat Selangor hasil pertanian kekal seperti getah, kelapa sawit, durian dan sebagainya yang pokok dan tapaknya tidak dijual dikenakan zakat pendapatan⁵² (*al-Mustafad*) di bawah kategori zakat *al-Mustaghallāt*.

Dari sudut ekonomi, jika dibandingkan kadar tanaman komersial yang dikenakan zakat pendapatan (*al-Māl al-Mustafād*) iaitu 2.5% setahun berbanding dikenakan zakat pertanian iaitu dengan kadar 10% , 5% atau 7.5% dan wajib dizakatkan pada setiap kali tuaian. Secara logiknya zakat pertanian akan mendatangkan hasil yang berlipat kali ganda dan menguntungkan asnaf-asnaf.

Maqāṣid dalam penentuan zakat ke atas tanaman adalah tanaman subur yang mendatangkan kekayaan kepada petani atau peladang dan melepasi nilai nisab semasa dengan mengambil kira kepentingan diri petani dan juga tanggungan di bawah mereka menjadi *'illah maqāṣid* syariah kewajiban zakat pertanian dikenakan ke atas semua tanaman dan tidak terhad kepada tanaman padi semata-mata sepertimana amalan semasa di Malaysia sekarang.

⁵¹ Sanep Ahmad dan Hairunnizam Wahid, "Sumber Zakat", 147.

⁵² Pendapatan bermaksud semua jenis upah, imbuhan, bayaran, sewaan atau hasil yang diperolehi daripada kerja atau usaha yang dilakukan sama ada secara tetap atau sekali-sekala. Zakat pendapatan merangkumi zakat pengajian (*Kasb al-'Amal wa al-Rawātib wa al-Ujūr*), hasil kerja bebas (*al-Mihn al-Hurrah*) dan zakat *al-Mustaghallāt*.

4.2 Analisa Penolakan Kos Sebelum Dikenakan Zakat Pertanian Berdasarkan *Maqāṣid Syari`ah*

Dewasa kini isu kewajaran penolakan kos-kos tertentu sebelum diwajibkan zakat sering dibahasakan sama ada di peringkat nasional mahupun internasional, ini kerana isu ini dilihat kontemporari berbanding isu-isu berkenaan penetapan takaran nisab dan kadar yang lebih bersifat *naṣṣi* sepertimana perbincangan di dalam bab tiga. Penulis berpandangan isu ini berkait rapat dengan isu penetapan kadar zakat tanaman kerana melibatkan perbincangan “pengairan” dan “tenaga usaha” yang digunakan oleh petani.

Berdasarkan fakta sejarah memperlihatkan evolusi teknologi pertanian yang dicipta dan digunapakai oleh petani pada zaman awal Islam sehinggalah ke hari ini. Pada zaman awal Islam jenis pengairan yang digunakan bergantung kepada *sayl* (aliran air yang terhasil daripada hujan), perigi, lembah seperti lembah *Marib* dan sistem saluran yang mampu menampung tekanan air yang tinggi. Seterusnya pada zaman pemerintahan ‘Umar al-Khatṭāb dan al-Mamlūk dengan terbinanya terusan, empangan dan tangki-tangki air. Begitu juga perkembangan alat-alatan pertanian dengan terhasilnya jenis pengangkut air seperti *shaduf*, *saqiya*, *nau`ra*, alat mengepam air dan terciptanya mesin yang menggunakan bantuan air dan angin. Sistem pengairan juga mengalami evolusi di zaman ‘Umar ‘Abd ‘Azīz dengan wujudnya kejuruteraan hidrologi dengan terciptanya terusan yang sistematik untuk kawasan pertanian dan teknologi air bawah tanah “*qanār*” di Parsi⁵³.

Perbahasan para fuqaha silam seperti Ibnū Qudāmah⁵⁴, al-Rafi’e⁵⁵ berkenaan pengurangan kos hanya melibatkan pengairan sahaja⁵⁶ dan pendapat ini disokong oleh

⁵³ Lihat bab 2, di halaman 41-44.

⁵⁴ Ibnū Qudāmah, *al-Muqhnī*. 2:699.

⁵⁵ Al-Nawawī, *al-Majmū’*. 5:578.

⁵⁶ Para fuqaha telah mengklasifikasikan kos-kos dengan hanya melihat kepada bentuk pengairan yang digunakan seperti mana dalam penetapan kadar zakat pertanian 10% , 5% atau 7.5% . Lihat bab 2 di halaman 53-56.

*Majmā' al-Fiqh al-Islāmī*⁵⁷. Walaupun fakta-fakta sejarah jelas menunjukkan wujudnya evolusi pertanian dan secara logiknya melibatkan bebanan kos yang besar dalam operasi pertanian. Akan tetapi tidak terdapat satu rekod menunjukkan kos-kos selain kos saliran diberi pelepasan sebelum dikenakan zakat. Kebanyakan ulama tidak membenarkan penolakan kos operasi dan kos sara diri ini disebabkan tidak terdapat *naş* yang membenarkannya. Penulis dalam isu ini mengetengahkan teori Yūsuf al-Qarḏāwī yang melihat dari dimensi *naş* dan *maqāşid* dengan membenarkan penolakan kos-kos tersebut dengan melihat kepada *maşlahah muzakkī* dan keadaan semasa⁵⁸.

Dalam konteks Malaysia sekarang, bebanan tidak terhad kepada kaedah pengairan akan tetapi dapat difahami sebagai kos-kos pengeluaran yang ditanggung oleh petani seperti kos bahan input, kos operasi tanaman yang melibatkan jentera moden dan modal yang tinggi serta kos sara diri petani. Analisa ini akan dibahagikan kepada dua bahagian iaitu analisa penolakan kos operasi tanaman dan analisa penolakan kos sara diri⁵⁹.

4.2.1 Analisa Penolakan Kos Operasi Tanaman

Kesemua negeri kajian membenarkan pelepasan kos operasi sebelum dikenakan zakat tanaman iaitu di negeri Terengganu, Sarawak, Pulau Pinang dan Perlis, namun hanya negeri Selangor sahaja tidak membenarkan sebarang penolakan kos-kos. Berdasarkan

⁵⁷ Keputusan *Majmā' al-Fiqh al-Islāmī* no. 120 (2/13) berkenaan zakat tanaman, pada persidangan yang ke-13 di Kuwait, bermula 22-27 Disember 2001 memutuskan bahawa kos-kos bagi tujuan pengairan, pemparitan, rawatan tanah pertanian dan kos pembelian benih, baja dan racun-racun bagi pencegahan daripada serangga perosak tidak dibenarkan penolakan kos. Akan tetapi keloggaran diberikan kepada petani yang terpaksa meminjam duit untuk tujuan pencegahan daripada serangga perosak, maka dibenarkan pelepasan kos bersandarkan kepada hadis daripada Ibnū `Umar dan Ibnū `Abbas. Lihat laman sesawang *Majmā' al-Fiqh al-Islāmī*, dicapai 30 Disember 2013, <http://www.onislam.net/arabic/zakah-counsels/8533/78350-2009-05-12%2011-54-06.html>.

⁵⁸ Yūsuf al-Qarḏāwī membenarkan penolakan kos-kos dengan berjihad berdasarkan dalil hadith-hadith dari Sahl bin Abī Hathamah, Ibn `Umar dan hadith diriwayatkan oleh Jābir. Lihat bab 2 di halaman 64-65.

⁵⁹ Penulis berpendapat dalam memperluaskan hasil tanaman yang diwajibkan zakat, haruslah melihat *maşlahah* petani (*muzakkī*) dan juga asnaf. Oleh itu, kewajaran penolakan Kos operasi tanaman dan Kos sara diri sebelum dikenakan zakat dilihat sebagai penimbal balik yang praktikal.

kajian penulis, zakat pendapatan di Selangor ditolak kos *ḥad kifāyah*⁶⁰ (kos sara hidup semasa) sedangkan mereka bergaji, pendapatan mereka lebih besar berbanding golongan petani yang tiada mata pencarian yang lain. Oleh itu, dicadangkan zakat pertanian (padi) dikaji semula dan diperincikan kajian tentang asas had penolakan kos operasi yang membebaskan serta *ḥad kifāyah* bagi para petani agar lebih bertepatan dengan *maqāṣid* syarak. Tambahan pula, pendapatan mereka bergantung sepenuhnya kepada hasil pertanian, dan perlu dibahagikan kepada satu tempoh yang panjang (5-6 bulan) serta kos untuk hidup sebelum penanaman seterusnya.

Penulis dalam hal ini *mentarjihkan* fatwa yang telah diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa Perlis berdasarkan *qaul* Ibnu `Abbas, Ibn `Umar, Ahmad Ibnu Ḥanbal dan lain-lain dengan alasan hutang *ḍarūriyyāt* diberi pelepasan kos operasi tanaman seperti menolak hutang dan kos tanaman demi *maṣlahah* para petani.

Pelepasan kos-kos yang dibenarkan kepada pengusaha padi seperti kos baja racun, sewa tanah, upah tenaga dan mesin tuaian, upah membajak tanah dan kos pengangkutan. Namun terdapat satu lagi pelepasan yang dibenarkan di Pulau Pinang pada tahun 2005 iaitu potongan luar jangka sebanyak $\frac{1}{4}$ seperti serangan burung, bencana alam dan lain-lain⁶¹. Pada dasarnya potongan ini mampu menjaga *maṣlahah* para petani berdalilkan amalan Rasulullah s.a.w amat bertimbang rasa kepada petani dan tidak terlalu menekan mereka sebagaimana dilaporkan oleh Sahal bin Abū Hathmah:

⁶⁰ *Ḥad kifāyah*: Merupakan suatu garisan kecukupan bagi seseorang individu atau bagi sesebuah keluarga. Dalam konteks kajian ini, *ḥad kifāyah* merujuk kepada suatu garisan, had atau kadar keperluan minimum yang ditetapkan oleh Lembaga Zakat Selangor (LZS) berdasarkan kos sara hidup semasa. Penilaian yang dibuat dalam menentukan had kifayah ini merangkumi enam aspek iaitu perlindungan, makanan, pakaian, perubatan, pendidikan dan pengangkutan.

⁶¹ Mesyuarat Jawatankuasa Syariah, Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang Bil.1/2005, Perkara 3.0 (f) Syor Muzakarah, 2.

Terjemahan: “Apabila kamu membuat penaksiran hendaklah kamu ambil zakatnya dan tinggalkan 1/3, jika kamu tidak tinggalkan 1/3 hendaklah tinggalkan 1/4”⁶².

Dewasa kini, kos-kos tanaman padi merangkumi kos bahan input, kos tenaga kerja dan kos-kos yang lain. Bagi menilai kos-kos pertanian padi ini, penulis memperincikan pendapatan dan perolehan bagi setiap satu relong sebagai gambaran jumlah kos yang terpaksa ditanggung oleh golongan petani, seperti jadual di bawah:

Jadual 4.2. Pendapatan /Perolehan (Bagi Setiap 1 Relong)

Kaedah Pengiraan Hasil:

Bagi setiap 1 relong (purata 3300kg padi kasar)

$$3300 \text{ kg} - 18\% = 2706 \text{ kg}$$

$$\text{Hasil Padi} : 2706\text{kg} \times \text{RM}0.56 = \text{RM}1515.36$$

$$\text{Subsidi} : 2706\text{kg} \times \text{RM}0.2481 = \text{RM} 671.36$$

$$\text{Pendapatan} : = \boxed{\text{RM}2186.72}$$

Jadual 4.3. Kos Pengeluaran / Perbelanjaan (Bagi Setiap 1 Relong)

Bil	Aktiviti	Kos Kecil	Kos Besar
1	Bajak	Tahap 1: RM70.00 Tahap 2: RM60.00 Tahap 3: RM65.00	RM195.00
2	Benih (Harga JPN) *Melalui kelompok	RM24.00 X 3bag	RM72.00
3	Racun	Sambau : RM65.00 Rumpai : RM45.00 Serangga : RM65.00 Kulat : RM70.00	RM245.00
4	Baja	Subsidi : RM1.00 X 5	RM135.00

⁶² Riwayat Al-Tirmizi, Kitāb al-Zakāt ‘An Rasulullah s.a.w, Bab Jāa Fī al-Khars, no.Hadith 643. Al-Tirmizī, *Sunan*, 3: 35.Hadith ini diriwayatkan juga oleh Abu Dāud, Nasā’I dan Ahmad bin Hambal. Ibn Hibbān dan al-Hākīm mensahihkan hadith ini. Abd Rahman bin Mas’ud bin Niyar meragui kethiqahan Ibn Hibban dan berpendapat hadith ini *mauqūf* kepada ‘Umar r.a. Lihat Abu ‘Ubaid, *al-Amwāl*, 585.

		Buah : RM130.00	
5	Mesin Padi	Upah tuaian : RM140.00	RM140.00
6	Lori	Angkut : RM52.00	RM52.00
7	Sewa Tanah	Purata : RM200.00	RM200.00
8	Caj Upah Kerja	Serak : RM40.00 Racun : RM40.00 Baja : RM20.00 Kawalan Musuh/ Penyakit: RM80.00	RM180.00
JUMLAH KESELURUHAN			RM1219.00

Sumber: Jabatan Pertanian Pulau Pinang dan Pejabat Pertubuhan Peladang Kawasan

Kos-kos pengeluaran tanaman yang diambil kira adalah kos tetap dan kos berubah. Kos tetap adalah terdiri daripada sewa tanah dan cukai air serta zakat tanaman. Kos berubah termasuklah kos-kos input dan kos buruh yang digunakan dalam usaha tanaman padi, ini kerana kegunaan jenis baja, varians benih dan racun yang berbeza di kalangan petani, begitu juga halnya dengan kos tenaga kerja bagi jumlah buruh yang digunakan, kos buruh yang dibayar berdasarkan kerja-kerja kontrak diasingkan daripada jumlah kos buruh yang diusahakan sendiri oleh petani dan keluarga.

Analisa jadual di atas adalah contoh pengiraan hasil pendapatan bagi setiap relong (purata 3300kg padi kasar). Hasil bersih hasil padi dikira selepas ditolak potongan kelembapan dan kotoran padi. Purata potongan hasil padi ialah 18% dan ini menjadikan purata hasil bersih bagi tanaman padi bagi setiap relong sebanyak 2706kg. Pendapatan dari segi perusahaan tanaman padi boleh di analisa dengan mengambil kira hasil padi dan kupon subsidi yang diperolehi daripada Lembaga Padi dan Beras Negara berjumlah RM2186.72.

Kos-kos tanaman padi bermula dengan proses membakar jerami dan membajak sebelum menyerak benih yang memakan masa 30 hari. Kemudian proses tanaman padi diusahakan dengan memakan masa 110 hari sebelum dituai. (Lihat Lampiran L: Proses Aliran Kerja Serta Kos Penanaman Padi). Kos bahan input yang digunakan meliputi kos benih dengan harga RM24 untuk setiap beg, racun yang pelbagai seperti sambau, rumpai,

serangga dan kulat yang berjumlah RM245 dan kegunaan baja iaitu baja yang telah diberi subsidi dan buah berjumlah RM135. Manakala kos tenaga kerja pula termasuklah kos membajak yang memerlukan tiga tahap bagi setiap musim yang berjumlah RM195, kos upah tuaian menggunakan mesin padi sebesar RM140, kos pengangkutan menggunakan lori dari sawah ke kilang pemprosesan berharga RM52 dan caj upah kerja bagi menyerak, meracun, membaja dan mengawal musuh serta penyakit yang kesemuanya berjumlah RM180. Kos-kos lain yang perlu dibayar seperti kos sewa tanah jika menyewa dengan purata RM200. Maka, kos pengeluaran keseluruhan bagi setiap relong adalah berjumlah RM1219.

Pendapatan bersih petani adalah selepas pendapatan kasar ditolak kos-kos pengeluaran seperti berikut:

$\begin{aligned} \text{Pendapatan bersih} &= \text{Pendapatan kasar petani} - \text{Perbelanjaan kos pengeluaran} \\ &= \text{RM } 2186.72 - \text{RM } 1219 \\ &= \text{RM } 967.72. \end{aligned}$
--

Pendapatan bersih bagi 1 relong adalah RM967.72, ini jelas menunjukkan kos yang tinggi terpaksa ditanggung oleh petani iaitu hampir 50% daripada hasil pendapatan kasar petani. Di bawah Rancangan Malaysia Ke Sembilan RMK9 (2006-2010), kerajaan telah menetapkan sasaran pengeluaran padi negara untuk mencapai 90% tahap sara diri (SSL) beras dan meningkatkan pendapatan pengusaha tanaman padi melalui aktiviti penanaman padi. Jika kos-kos ini tidak diberikan pelepasan sebelum dizakatkan akan membebankan mereka dan tidak menjaga *masalah* golongan petani yang membekalkan sumber makanan rasmi negara. Fakta ini disokong oleh kajian yang telah dilakukan oleh Sabariah Binti

Mohamd Salleh di Daerah Seberang Perai Utara, Pulau Pinang,⁶³ majoriti responden iaitu sebanyak 79.2% terpaksa membelanjakan kos tanaman padi sebanyak RM500 hingga RM1000 sebagai kos pengeluaran seekar tanah sawah. Harga minimum jumlah kos pengeluaran seekar padi adalah RM376.30 dan harga maksimum RM1550. Manakala kebanyakan petani pula hanya mengusahakan keluasan tanah sawah kurang daripada 6 ekar iaitu seramai 58.5%.

Berdasarkan situasi ini, bagi mengurangkan bebanan kos yang terpaksa ditanggung oleh pengusaha tanaman padi, kerajaan telah memperkenalkan insentif pengeluaran padi melalui IPP (Bantuan Input Pertanian) berkuat kuasa Mac 2007 yang terdiri daripada bantuan upah membajak pada kadar RM100 sehektar semusim dan bantuan input pertanian dalam bentuk bantuan baja, racun, penggalak tanaman dan agen pemulih tanah (*soil ameloriant*) bernilai maksimum RM140 sehektar semusim. Namun insentif ini hanya layak diberikan kepada pesawah yang berdaftar dengan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA), Lembaga Kemajuan Muda (MADA) dan Jabatan Pertanian Sarawak.

Walaupun kerajaan Malaysia telah menyediakan subsidi bagi meringankan bebanan dari sudut kos bahan input, namun insentif ini di kebanyakan negeri dikira sebagai pendapatan kasar petani iaitu hasil pertanian dicampurkan dengan kupon subsidi yang diterima petani. Petani bukan sahaja diwajibkan untuk mengeluarkan zakat pertanian setiap musim, malah dikenakan pula zakat *al-Māl al-Mustafād* bagi setiap subsidi yang

⁶³ Sabariah Binti Mohamad Salleh, Perakaunan Zakat Pertanian: Kajian Di Daerah Seberang Perai Utara, Pulau Pinang, (kertas projek Jabatan Syariah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2004), 62.

diterima⁶⁴. Justeru itu, sewajarnya penolakan kos-kos dibenarkan sebelum dikenakan zakat tanaman bagi mengimbangi bebanan kos yang terpaksa ditanggung oleh golongan pesawah.

4.2.2 Analisa Penolakan Kos Sara Diri

Realiti di Malaysia hanya di negeri Perlis sahaja yang membenarkan pelepasan kesemua kos-kos yang terpaksa ditanggung oleh para petani berdasarkan pendapat Ibnu ‘Umar dengan berhujah bahawa *maqṣad* zakat hanya dikenakan ke atas orang berada. Walaupun di Pulau Pinang terdapat peruntukan mengesyorkan penolakan kos sara diri jika tidak mempunyai pendapatan lain, namun ia tidak diaplikasikan sehingga sekarang.

Maqāṣid utama pensyariatkan zakat adalah mengambil daripada mereka yang kaya lalu dibahagikan kepada *mustahiqqīn*:

Terjemahan: “Diambil zakat dari orang kaya mereka dan dipulangkan ke atas orang fakir mereka”⁶⁵.

Indikator kekayaanlah yang mewajibkan seseorang itu dikenakan zakat ke atasnya. Bagi jumhur fuqaha berpendapat kadar kekayaan yang mewajibkan pemiliknya mengeluarkan zakat ialah memiliki harta zakat yang mencukupi kadar nisab, tanpa melihat sama ada ia mencukupi atau tidak bagi memenuhi keperluan diri petani dan tanggungan dengan alasan memiliki harta produktif (pertanian) telah cukup meletakkan seseorang itu berstatus kaya dari sudut mewajibkan untuk berzakat. Penulis kurang bersetuju dalam konteks pemberian zakat yang diutarakan oleh jumhur dengan *waqi`* semasa Malaysia, kerana ianya tidak selari dengan *maqāṣid syari`ah* zakat iaitu bertentangan dengan *naṣ*

⁶⁴ Pengiraan Zakat *al-Māl al-Mustafād* termasuklah semua jenis upah, bayaran, subsidi atau hasil yang diperolehi daripada kerja atau usaha yang dilakukan sama ada secara tetap atau tidak tetap dan jika melepasi nisab tahun 2012 iaitu RM13,000 lalu dikenakan dengan kadar 2.5%.

⁶⁵ Riwayat al-Bukhārī, Kitāb al-Zakāt, Bāb Wujūb al-Zakāt, no.Hadith 1395, hadith sahih. Lihat Abu ‘Ubaid, *al-Amwāl*, 693.

yang hanya mewajibkan lebih harta seperti mana termaktub di dalam surah al-Baqarah 2: 219:

Terjemahan: ...katakan yang berlebihan⁶⁶.

Dalam hal ini, penulis mentarjihkan pandangan mazhab Ḥanafī yang mengambil kira keperluan hidup seseorang dengan hanya mewajibkan ke atas harta lebih sahaja. Menurut Al-Kāsānī menjelaskan :“...adapun kekayaan yang diwajibkan padanya zakat iaitu memiliki sejumlah nisab harta produktif lebih daripada keperluan asasi”⁶⁷. Dalam membahaskan keperluan asasi, perlu terlebih dahulu mengenal pasti komponen-komponennya. Ini kerana berdasarkan al-Ghazālī “Had kekayaan adalah sesuatu yang tidak jelas”⁶⁸ dan beliau menjustifikasikan komponen keperluan asasi dengan berpegang kepada Sabda Rasulullah s.a.w iaitu:

Terjemahan: “Tidak berhak seseorang anak Adam kecuali pada tiga perkara, makanan menguatkan tulangnya, pakaian menutup auratnya, dan rumah untuk berlindung, apa yang selebihnya adalah perkara yang dihitungkan”⁶⁹.

Al-Syarbīnī menjelaskan maksud keperluan asasi ialah apa yang mencukupi bagi manusia dari segi makanan, pakaian dan sebagainya yang diperlukan, bersesuaian dengan keadaannya dan keadaan mereka di bawah nafkahnya, tidak secara boros dan tidak juga kedekut⁷⁰. Dapat difahami keperluan asasi setiap dimensi akan berbeza misalnya pendidikan, pengangkutan dan perubatan kini menjadi perkara *ḍarūrī* bagi setiap manusia.

Berdasarkan Chamhuri Siwar konsep cukup hidup (keperluan asasi) ialah jumlah tertentu pendapatan yang diperlukan bagi memenuhi keperluan hidup minima, bagi

⁶⁶ Al-Baqarah 2: 219

⁶⁷ Al-Kāsānī, *Badā'i al-Ṣanā'ī*, 2: 158.

⁶⁸ Al-Ghazālī, *Ihya' 'Ulūm al-Dīn*, 4:310.

⁶⁹ *Ibid.*,330. Menurut al-‘Irāqī, Hadis ini bertaraf *da'if*. Bagaimanapun riwayat Tarmīzī dengan maksud yang sama bertaraf *ṣahīh*.

⁷⁰ Al-Syarbīnī, *Muqhnī al-Muhtāj*, 3: 108.

mengekalkan suatu taraf hidup yang memuaskan berdasarkan norma-norma yang sedia ada⁷¹. Di Malaysia kaedah Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK⁷²) diadaptasi sebagai salah satu ciri penentuan taraf serta kategori pendapatan seseorang. Pendapatan keseluruhan di bawah RM720 sebulan di Semenanjung Malaysia dianggap miskin. Manakala PGK keseluruhan di Sabah dan Sarawak masing-masing di bawah RM960 dan RM830. Namun, perlu dilihat kawasan yang didiami sama ada di kawasan bandar atau luar bandar kerana PGK kasar dan PGK per kapita berbeza. Kajian juga dilakukan bagi menilai jika *ḥad kifāyah* hanya melihat kepada ketetapan kadar cukup nisab 5 *awsuq* semata-mata, tanpa mengambil kira nilai keperluan asasi sepertimana pendapat fuqaha, lalu dibandingkan dengan PGK keseluruhan, seperti jadual di bawah:

Jadual 4.4: Hasil Pendapatan Petani Dengan Kadar Cukup Nisab (5 *Awsuq*)

Bil	Perkara	Unit	Selangor	Pulau Pinang	Perlis	Terengganu	Sarawak
A	Kuantiti Keluaran Padi Per Musim	Tan	1.306	1.3	1.3	0.987	1.08
B	Hasil Jualan Padi, Harga Minimum Terjamin GMP (RM650.00)	RM	848.9	845	845	641	702
C	Harga Padi Semasa 2012 (1 tan = RM1000 ⁷³)	RM	1306	1300	1300	987	1080
D	Subsidi Harga Padi, 1 tan metrik (RM248.10)	RM	324.01	322.53	322.53	244.87	267.94
E	Jumlah Pendapatan Min [B+D]	RM	1172.91	1167.53	1167.53	886.42	969.34
F	Jumlah Pendapatan Semasa [C +D]	RM	1630.01	1622.53	1622.53	1231.87	1347.94

⁷¹ Chamhuri Siwar, *Ekonomi Malaysia* (Selangor: Longman, 2002), ed.5. 375.

⁷² PGK ditakrifkan sebagai pendapatan yang hanya mencukupi untuk membeli keperluan minimum sekumpulan barangan makanan untuk mengekalkan ahli-ahli isi rumah dalam keadaan zat pemakanan yang baik dan keperluan asas yang lain seperti kasut, sewa rumah, bahan api dan tenaga, pengangkutan dan komunikasi, penjagaan kesihatan, pendidikan dan rekreasi. PGK dikemaskinikan setiap tahun berdasarkan indeks Harga Pengguna.

⁷³ Harga padi satu tan bersamaan RM1,000 adalah anggaran purata sahaja, ini kerana penetapan harga padi di setiap negeri adalah berbeza.

G	Purata Pendapatan Sebulan [F/6bulan]	RM	271.66	270.42	270.42	205.31	224.65
H	PGK Keseluruhan Semenanjung	RM	720				
I	PGK Keseluruhan Sarawak	RM	830				

Sumber:

Diubahsuai dari laman sesawang Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia, dicapai 2 November 2012, http://www.moa.gov.my/web/guest/industri_padi_beras.

Berdasarkan jadual di atas jumlah pendapatan semasa bagi para petani dicampurkan dengan kupon subsidi harga padi dalam lingkungan RM1231.87 sehingga RM1630.01, ini berdasarkan harga padi semasa 2012 (satu tan bersamaan RM1000). Manakala jumlah pendapatan minimum para petani setelah dicampurkan dengan nilai subsidi yang diperoleh di antara RM886.42 sehingga RM1172.91 dengan mengambil kira Harga Minimum Terjamin (HMT/GMP) yang ditetapkan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP). Kedua-dua jumlah pendapatan petani ini berlandaskan kadar hanya cukup nisab (5 *awsuq*).

Pertanian sawah padi di Malaysia kebiasaannya diusahakan sebanyak dua musim setahun dengan anggaran setiap musim memakan masa enam bulan iaitu 189 hari sehingga 195 hari sebelum proses menuai dijalankan⁷⁴.

Berdasarkan jumlah pendapatan semasa para petani, jika dibahagikan kepada enam bulan sebagai jaminan *had kifāyah* mereka, maka jumlah pendapatan para petani sekitar RM205.42 sehingga RM271.66 sebulan. Purata pendapatan sebulan ini kurang daripada PGK keseluruhan Semenanjung dan Sarawak, malah pendapatan mereka diklasifikasikan sebagai miskin tegar iaitu di bawah RM430⁷⁵ di Semenanjung dan RM520⁷⁶ di Sarawak. Penilaian di atas menunjukkan kadar penentuan kekayaan tidak menjadikan *had kifāyah*

⁷⁴ Panduan Mengeluarkan Zakat, Baitulmal MAIPs, 20.

⁷⁵ PGK Kemiskinan tegar di Semenanjung. Di Bandar RM740 dan Luar Bandar RM700.

⁷⁶ PGK Kemiskinan tegar di Sarawak. Di Bandar RM860 dan Luar Bandar RM810.

PGK petani sebagai faktor penetapan hukum zakat pertanian. Bebanan yang terpaksa ditanggung oleh para petani bukan hanya membayar kadar nisab malah dikenakan zakat pendapatan bagi setiap kupon subsidi yang diperoleh.

Berdasarkan perbahasan di atas, penulis *mentarjihkan* pandangan berdasarkan *maqāsid syariah* iaitu pendapat yang membenarkan penolakan kos pengeluaran dan kos sara diri sepertimana yang diamalkan di negeri Perlis dan diimbangi dengan kadar zakat tanaman. *Maqāsidnya* kerana kos-kos seperti yang dijelaskan di atas merupakan satu bebanan bagi petani jika tidak diberikan pelepasan kos sebelum diwajibkan zakat. Menurut Yusuf al-Qardāwī bebanan kos merupakan faktor yang memberi kesan dalam hukum sepertimana perubahan kadar zakat pertanian daripada 10% kepada 5% jika melibatkan tenaga kerja dalam pengairan yang lebih. Kewajaran penolakan kos-kos sara diri petani dan tanggungan mereka termasuklah makanan, minuman, pakaian, tempat tinggal dan pendidikan merupakan keperluan *darūriyyāt* demi kelestarian kebahagiaan sesebuah keluarga sepatutnya dikira sebagai pelepasan *had kifāyah* sepertimana penolakan dalam zakat pendapatan.

Maqāsid syariah bagi zakat tanaman merangkumi dua entiti iaitu *muzakkī* (para petani) dan juga asnaf-asnaf zakat. Kedua-dua entiti ini perlu ditimbangkan yang mana satu perlu diutamakan berdasarkan bebanan *mafsadah* dan *maṣlahah* yang diterima. Bermaksud sama ada dikenakan zakat ke atas hasil kasar demi *maṣlahah* para asnaf atau diberikan pelepasan kos-kos tertentu bagi menjaga *maṣlahah muzakkī* (petani). Ini kerana *maqṣad* syarak adalah “*Menghasilkan kebaikan kepada manusia dan menolak keburukan*”.

Berkenaan dengan isu ini *maṣlahah muzakkī* perlu diutamakan terlebih dahulu, berlandaskan hadis:

Terjemahan: “Ambillah daripada mereka yang kaya lalu diberikan kepada mereka yang miskin”⁷⁷.

Berdasarkan hadith ini menunjukkan Rasulullah s.a.w memberi perhatian kepada kedua-dua entiti zakat ini, namun penulis berpendapat *maqṣad* utama dalam ibadah zakat adalah menyucikan harta *muzakkī* jika melepasi nisab terlebih dahulu sebelum meraikan golongan asnaf. Jika pelepasan kos-kos di atas tidak ditolak, maka zakat akan diambil daripada *mustahiqqīn* (mereka yang layak mendapat zakat) iaitu para asnaf dan ini sangat bertentangan dengan objektif zakat itu sendiri. Oleh itu, sewajarnya penetapan *ḥad kifāyah* (kos sara diri) dan kos operasi ditolak bagi menilai kemampuan kekayaan seseorang petani selain daripada pengurangan kadar zakat pertanian berfaktor sumber saluran zakat pertanian yang telah ditetapkan.

Penulis mengaplikasikan kaedah kedua iaitu secara negatif dengan menghalang apa-apa yang boleh menghapuskan atau merosak kepentingan tersebut (*dar’u al-mafāsīd*). Berdasarkan pembuktian bebanan kos-kos di atas, terdapat beberapa kerosakan *ḍarūriyyāt* yang akan berlaku jika penolakan kos-kos tidak dikira sebagai pelepasan kos sebelum dizakatkan⁷⁸.

Mafṣadah akan berlaku kepada ekonomi para petani. Bebanan 50% kos operasi tanaman meliputi kos bahan input, kos tanaman dan kos-kos lain yang terpaksa ditanggung oleh para petani boleh dikategorikan sebagai kemudaratan kepada hasil pendapatan (*al-Māl*). Petani terpaksa bergantung sepenuhnya kepada hasil tanaman dengan pelbagai risiko

⁷⁷ Riwayat al-Bukhārī, Kitāb al-Zakāt, Bāb Wujūb al-Zakāt, no.Hadith 1395, hadith sahih.

⁷⁸ Al-Syāṭibī dalam memahami *maqāṣid syari’ah* dengan menganalisis tentang masalah hukum yang tidak disebut syari’ atau sikap diam syari’ dalam sesuatu hukum tertentu (*al-sukūt ‘an syari’yyah al-‘amal ma’a qiyām al-ma’na al-muqtadā lah*). Al-Syāṭibī mengklafikasikan kaedah ini kepada dua bentuk, iaitu; Pertama, sikap diam syarak kerana tidak ada motif atau faktor pendorong. Kedua, sikap diam syari’ walaupun ada motif atau faktor pendorong. Lihat Al-Shāṭibī, *al-Muwāfaqāt*, 2: 294. Dalam isu ini teknologi moden serta bebanan kos yang tinggi dilihat sebagai pendorong untuk pelepasan kos-kos tertentu sebelum dikenakan zakat demi keadilan kepada para petani (*muzakkī*).

seperti bencana alam, serangga perosak dan hasil pendapatan perlu dibahagikan kepada enam bulan semusim serta sejumlah simpanan modal untuk penanaman musim seterusnya.

Jika kewajipan zakat dikenakan ke atas hasil kasar tanpa sebarang pelepasan kos operasi tanaman akan mengkategorikan petani tersebut di bawah garis kemiskinan PGK yang ditetapkan dan sebahagian mereka tergolong di bawah paras miskin tegar. Ini bertentangan dengan *maqāsid* zakat iaitu “*Diambil daripada orang kaya*”. Kerosakan harta ini dengan bebanan serta tanggungjawab yang berat akan membawa kepada kerosakan *masalahah* yang lain, seperti impaknya kepada *masalahah* jaminan sosial sesebuah keluarga dan *masalahah* jiwa.

Mafsadah juga akan turut terkesan kepada tanggungan keluarga para petani dari sudut sara hidup asasi, tempat tinggal yang kondusif, sumber makanan akan terjejas dan impak yang negatif kepada pemeliharaan akal anak-anak para petani dengan kurangnya pendidikan yang berkualiti. Ini kerana anak-anak adalah aset utama bagi mengeluarkan keluarga para petani dari lembah kemiskinan.

Kewajaran penolakan kos sara diri dan kos operasi adalah bagi menimbal balik *had kifāyah* zakat tanaman dengan pelepasan standard keperluan asasi petani dan tanggungan di bawahnya seperti makanan, pakaian, tempat tinggal dan pendidikan. Berdasarkan kajian Asmak Ab. Rahman (2005) tentang kos penanaman padi di Selangor di kawasan Tanjung Karang dan Sabak Bernam mendapati kesan daripada tidak menolak kos operasi dan kos sara hidup ialah sebahagian pembayar zakat padi tergolong dalam kategori miskin dengan 14.1% mendapat pendapatan bulanan di bawah paras kemiskinan dengan pendapatan kasar bulanan kurang dari RM510 dan 64 petani terpaksa meminjam wang untuk menampung kos penanaman padi. *Natijah* daripada kesan negatif ini akan berlakunya konflik sistem di antara penerima agihan zakat dan pembayar zakat pertanian yang mana pembayar zakat tergolong daripada asnaf-asnaf yang layak. Jika diterapkan konsep keadilan yang

merupakan elemen *maqāsid* syariah di dalam taksiran zakat tanaman, maka ia akan dapat menjaga kebajikan *muzakki* serta para asnaf.

Berdasarkan keutamaan *maqāsid* syariah *al-dārūriyyāt* merupakan *maṣlahah* yang paling utama. Menurut al-Shāṭibī dengan kerosakan *al-dārūriyyāt* (kepentingan asasi) akan menyebabkan kerosakan kepada keperluan lain seperti *al-hājiyyāt* dan *al-taḥsiniyyāt*. Berdasarkan perbincangan di atas pelepasan kos operasi dan sara diri sangat wajar ditolak bagi memelihara *maṣlahah dārūriyyāt* petani dan tanggungannya serta bagi menghindari daripada *mafsadah* dengan pendekatan negatif yang diaplikasikan oleh al-Shāṭibī.

Justeru itu, penulis mencadangkan formula taksiran zakat tanaman ke atas kos bersih berdasarkan *maqāsid* iaitu penolakan kos operasi dan kos sara diri, sepertimana yang diamalkan di Perlis dengan sedikit penambahan iaitu potongan luar jangka sebanyak ¼ seperti serangan burung, bencana alam dan lain-lain sepertimana yang telah diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa Pulau Pinang, seperti berikut:

Jadual 4.5. Taksiran Zakat Tanaman Berdasarkan *Maqāsid* Syariah

		(RM)
1. Penolakan Kos pengusaha sawah(kos pengeluaran)	Hasil perolehan padi bersih	
	Subsidi yang diperoleh ⁷⁹	
	i. Sewa tanah (jika disewa)	
	ii. Membajak dan menanam (jika diupah/dibayar)	
	iii. Harga baja (jika dibeli)	
	iv. Racun serangga (jika dibeli)	
	v. Upah menuai	
2. Penolakan Kos keperluan	vi. Upah pengangkutan	
	vii. Potongan luar jangka sebanyak 1/3 @ ¼ seperti serangan burung, bencana alam dan lain-lain	
	i. Kos Diri: RM5,000 bahagi 354 ⁸⁰ x 195 hari ⁸¹	

⁷⁹ Subsidi yang diperolehi didarab dengan 2.5%.

asasi	ii.	Kos Isteri: RM3,000 bahagi 354 ⁸² x 195 hari	
	iii.	Kos Anak: RM1,200 bahagi 354 ⁸³ x 195 hari	
	iv.	Pemberian kepada ibu bapa (jumlah yang sebenar jika diberi)	
	v.	Perubatan (perbelanjaan yang sebenar) Tanggungan anak cacat/ pesakit kronik ⁸⁴	
	vi.	Hutang <i>darūriyyāt</i> a) Kediaman b) Kenderaan	
			JUMLAH ⁸⁵

4.3 Kesimpulan

Kesimpulan yang dapat diambil daripada perbincangan bab empat ini ialah *maqāsid syari`ah* dalam memperluaskan hasil zakat tanaman kepada tanaman komersial di Malaysia seperti tanaman kelapa sawit, getah dan kelapa berdasarkan dalil yang digunakan oleh Imam Ḥanafī yang bertepatan dengan keumuman *naṣ* sepertimana yang telah dibahaskan oleh Yusuf al-Qardāwī. *Maqāsid* `illah perluasan hasil ini disebabkan terdapatnya unsur kekayaan, subur dan menguntungkan para asnaf berdasarkan statistik ekonomi pertanian semasa 2006-2011. Begitu juga, analisa daripada persepsi masyarakat dan informan kajian melihat kewajaran memperluaskan hasil zakat tanaman selain daripada tanaman padi sahaja.

Isu kedua ialah *maqāsid* penolakan kos-kos tertentu sebelum dikenakan zakat tanaman. Objektif utama zakat adalah mengambil daripada orang berada lalu diberikan kepada golongan miskin. Kos operasi yang tinggi terpaksa ditanggung oleh para petani iaitu 50% daripada hasil pendapatan kasar di samping kupon subsidi yang diterima juga dikira sebagai pendapatan kasar petani. Manakala kewajaran penolakan sara diri *had*

⁸⁰ Maksima RM5, 000 setahun. Oleh itu kadar sehari = RM5, 000 bahagi 354 hari (Hijriah) = RM14.12 sehari.

⁸¹ Hari mengusaha sawah, contohnya Musim 1 bermula daripada 1 Muharram 1433H dan dituai pada 19 Rejab 1433H = 29 +30 + 29 +30 +29 +29 +19 = 195Hari.

⁸² Maksima RM3, 000 setahun. Oleh itu kadar sehari = RM3, 000 bahagi 354 hari (Hijriah) = RM8.47 sehari.

⁸³ Maksima RM1, 200 setahun. Oleh itu kadar sehari = RM1, 200 bahagi 354 hari (Hijriah) = RM3.28 sehari

⁸⁴ Diadaptasi daripada tolakan *Had Kifayah* Tambahan, Zakat Pendapatan sebelum dikenakan zakat 2.5%.

⁸⁵ Jika jumlah keseluruhan selepas penolakan kos-kos melebihi nisab, maka dikenakan zakat.

kifāyah bagi memelihara keperluan *darūriyyāt* diri petani dan tanggungannya terdiri daripada penyediaan makanan, minuman, pakaian, tempat tinggal dan pendidikan. Jika kos-kos ini tidak ditolak akan mendatangkan *mafsadah* kepada ekonomi petani iaitu tergolong di bawah pendapatan garis kemiskinan PGK, begitu juga impaknya kepada *maṣlahah nasl* dan *maṣlahah* akal.